



State Schools' Relief (SSR) (Bantuan Sekolah Negeri) dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Victoria telah bekerjasama dengan SSR sekali lagi untuk mengadakan program Glasses for Kids (GFK) (Kaca Mata untuk Kanak-kanak) antara tahun 2024 dan 2027. GFK menyasarkan untuk menghapuskan gangguan penglihatan yang menjadi penghalang terhadap penglibatan dalam pendidikan dengan memastikan pelajar yang layak akan disokong untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam pendidikan daritahap awal pembelajaran mereka. GFK menyasarkan untuk melawat 770 buah sekolah rendah dan sekolah khas serta menyasarkan sehingga 108,000 pelajar dari Pra sekolah - Tahun 3 untuk melakukan saringan penglihatan awal semasa program tersebut. Jika perlu, pemeriksaan mata dan kaca mata yang menyeluruh akan diberikan kepada pelajar yang mengambil bahagian secara percuma.

Imbas kod QR dan tonton Video Kaca Mata untuk Kanak-kanak di sini



Untuk maklumat lanjut,
sila hubungi kami hari ini!

Lisa MacKinven

Pengurus Program, Kaca mata untuk Kanak-kanak
E: glassesforkids@ssr.net.au

State Schools' Relief

PO BOX 4525
Dandenong South VIC 3164



Maklumat untuk Keluarga



Bagaimanakah program Kaca Mata untuk Kanak-kanak dijalankan?

- GFK bekerjasama dengan optometris bertauliah yang akan melawat sekolah anda dan menawarkan saringan penglihatan awal kepada anak anda dan jika perlu, melakukan pemeriksaan lanjutan serta memberikan kaca mata secara percuma.
- Semua sesi saringan dan pemeriksaan akan diselesaikan semasa waktu persekolahan.

Bagaimana cara anak saya boleh menyertai program ini?

- Sila kembalikan Borang Kebenaran dan Soal Selidik Optometris kepada sekolah anda sebelum tarikh tamat.

Bagaimana cara untuk saya mendapatkan keputusan anak saya?

- Anak anda akan menerima surat tentang keputusan saringan penglihatan mereka untuk dibawa pulang.

Bagaimana jika anak saya memerlukan kaca mata?

- Jika optometris menetapkan kaca mata untuk anak anda, GFK akan memberikannya secara percuma. kepada anda.
- Anak anda mempunyai peluang untuk memilih kaca mata mereka dan memakainya pada hari tersebut.
- Anak anda akan diberikan surat yang menerangkan sebab kaca mata itu ditetapkan.

Siapa yang boleh menyertai?

- Sekolah Rendah: Pelajar pra sekola- Tahun 3.
- Sekolah Khas: Pelajar berumur 5 hingga 10 tahun.

Adakah kanak-kanak yang sedang memakai kaca mata boleh menyertai GFK?

- Ya, mereka boleh. Jika kaca mata mereka digunakan kurang daripada 12 bulan, sila berikan satu salinan preskripsi terkini jika ada.
- Sekiranya anak anda sudah berada di bawah jagaan optometris lain, sila kongsi sebarang maklumat yang berkaitan dalam Soal Selidik Optometris.

Adakah saya perlu mengemback borang yang berasingan bagi setiap anak saya?

- Ya, setiap pelajar mesti menandatangani Borang Kebenaran dan Soal Selidik Optometris.

Adakah saya perlu memberikan butiran kad Medicare?

- Ya, sebarang pemeriksaan yang mungkin diperlukan pada hari lawatan tersebut boleh dibilkan secara pukal melalui Medicare.
- Walau bagaimanapun, jika anak anda tidak memiliki kad Medicare, mereka masih boleh menyertai program ini.

Apakah yang akan berlaku sekiranya kaca mata tersebut rosak?

- GFK akan memberikan satu (1) kaca mata ganti, dengan syarat kaca mata pertama adalah kurang daripada 12 bulan.
- Jika kaca mata ganti rosak atau hilang, keluarga dan/ atau pihak sekolah boleh membeli kaca mata tambahan daripada SSR.

4 langkah mudah untuk menjadisebahagian daripada program Kaca Mata untuk Kanak-kanak...



① Baca Risalah Maklumat untuk Keluarga



② Lengkapkan Borang Kebenaran dan Soal Selidik Optometris



③ Serahkan kedua-dua borang kepada pihak sekolah



④ Pastikan anak anda hadir ke sekolah pada hari lawatan

